

# 385 pelajar baru mendaftar di UMP

BU (Tamu-) Timin 22/7/13 msN7

**Kuantan:** Seramai 385 pelajar baru mendaftar masuk Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi mengikuti pengajian peringkat diploma di Kompleks Sukan UMP Gambang, di sini.

Mereka disambut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Yuserrie Zainuddin dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP, Abdul Na'em Suhaime.

UMP menawarkan lima program iaitu Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses), Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Sains Komputer, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri).

Yuserrie berharap pelajar berkenaan dapat menggunakan peluang itu dengan sebaik mungkin untuk menimba ilmu pengetahuan.

## **Belajar bersungguh-sungguh**

"Ramai pelajar memilih UMP sebagai pilihan pertama dan kita berharap mereka akan terus menyumbang kepada kecemerlangan dan meningkatkan nama UMP di mata masyarakat umum," katanya.

Sementara itu, pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, Izzah Inani Razak, 18, berkata bersyukur kerana terpilih melanjutkan pengajian di UMP.